

# Pemandangan KL dari hospital



**RABU, 1 Februari** lalu, Kuala Lumpur malamnya bermandikan cahaya dan siangnya berulit kemerahan meraihi ulang tahun ke-15 perisytiharannya sebagai ibu kota Malaysia.

Kuala Lumpur berpesta sambil disirat rasa bimbang mengenai kesihatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mahamad, yang masih dirawat kerana sakit dada.

Bagaimanapun semalam, Perdana Menteri sempat bersiar-siar di perkarangan wad

khasnya di Hospital Besar Kuala Lumpur untuk menikmati keindahan ibu kota yang masih berhias indah sempena hari bersejarah itu kelmarin.

Dengan diringi oleh Setiausaha Akhbarnya, Encik Jalaludin Bahaudin, Perdana Menteri menghirup udara segar Kuala Lumpur bersama beberapa sanak keluarganya.

Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Ali, turut di sisi Datuk Seri Dr Mahathir yang semakin segar setelah menjala-

ni pembedahan pintasan koronar jantung pada 24 Januari lalu.

Dalam pertemuan khas dengan wartawan dan jurugambar itu, Perdana Menteri kerap melemparkan senyuman tanda syukur dan berpuas hati dengan rawatan yang diterimanya.

Sempena pertemuan dengan pihak akhbar itu, Perdana Menteri menyampaikan ucapan khas untuk rakyat Malaysia. Laporan dan gambar di MUKA 3.